



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

# KENYATAAN MEDIA

## PAKEJ RANGSANGAN BUKAN SEKADAR PEMBERIAN TUNAI TETAPI TUJAHAN PEMULIHAN EKONOMI

Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) membantu secara langsung semua pihak terutama golongan dalam kumpulan B40 dan M40 melalui cara meningkatkan keciran dan keupayaan mereka dan rakyat berbelanja. Ekonomi negara memerlukan suatu tujuan untuk bertumbuh dan dana awam perlu dilihat boleh diperolehi agar membolehkan rakyat mempunyai lebih tunai di dalam saku mereka.

Berdasarkan pengamatan saya, pakej rangsangan ini bukan sekadar pemberian tunai tetapi suatu tujuan untuk memastikan ekonomi modal dapat terus berjalan. Pakej rangsangan ini akan memastikan imbangan yang baik di antara ekonomi rakyat tanpa meminggirkan sama sekali ekonomi modal.

Intervensi sangat diperlukan ketika ini dan kerajaan tidak mempunyai pilihan, melainkan untuk memutuskan suatu pakej rangsangan yang besar bagi memastikan ekonomi dapat terus berkembang. Tanpa intervensi, pertumbuhan keluaran domestik negara akan semakin menguncup dan berkemungkinan boleh menjadi negatif sekiranya kerajaan tidak melakukan sesuatu dengan pantas sekarang.

Berikut pengumuman PRIHATIN, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL) akan membuat pelarasan ke atas inisiatif WILAYAH CAKNA sesuai dengan seruan YAB Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk memberi tawaran yang lebih baik terutama kepada penyewa premis dan perumahan awam di Malaysia. Pelarasan pengecualian sewa PPR MTEN, perumahan awam DBKL dan premis perniagaan di bawah kelolaan DBKL, PPj serta Perbadanan Labuan ini sahaja melibatkan kos tambahan sebanyak RM35.8 juta.

**TAN SRI TPr ANNUAR BIN HAJI MUSA**

**Menteri Wilayah Persekutuan**

**27 Mac 2020**